

20/11/1999

Presiden Indonesia perlu bijak buat `jenaka`

Johari Mohd

TEGURAN Lagitan Forum Ulama Indonesia minggu lalu supaya Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur lebih berhati-hati membuat kenyataan kepada umum perlu diberi perhatian serius oleh orang nombor satu republik itu.

Naib Presiden pertubuhan itu, Sahal Mahfudz dipetik sebagai berkata, sudah tiba masanya Gus Dur mengubah gaya kepemimpinannya kerana beliau bukan lagi Pengerusi Nahdatul Ulama (NU) saja tetapi kini Presiden sebuah negara. Oleh itu, setiap percakapannya menjadi perhatian bukan saja rakyat malah dunia.

Ketika memimpin NU, Gus Dur memang terkenal dengan kelantangannya berbicara hingga sering mencetuskan kontroversi baik di dalam mahupun di luar negara. Tetapi tindakannya kurang diberi perhatian kerana beliau tidak memegang apa-apa jawatan kerajaan apatah lagi sebagai ketua negara.

Bagaimanapun, masa sudah berlalu. Beliau kini seorang Presiden yang jika tersilap membuat kenyataan boleh menjejaskan imejnya dan membawa implikasi yang beliau sendiri tidak mungkin dapat mengotakan selain mengeruhkan hubungan dengan negara lain.

Antara kenyataannya yang menimbulkan kontroversi ialah untuk mengadakan hubungan ekonomi dengan Israel yang mendapat bantahan masyarakat Islam republik itu.

Oleh kerana tekanan hebat itu, Menteri Luar, Alwi Shihab perlu membuat kenyataan semalam bahawa kerajaan mengambil keputusan untuk menangguhkan rancangan berkenaan.

Kenyataan Gus Dur yang mahu memberikan pungutan suara kepada Aceh juga menyebabkan janji beliau dituntut oleh masyarakat wilayah yang dikenali sebagai Serambi Makkah itu. Pungutan suara sebagaimana dituntut pejuang kemerdekaan Aceh boleh membawa implikasi buruk terhadap keutuhan Indonesia. Bak kata pepatah terlajak perahu boleh ditarik balik tetapi terlajak kata buruk akibatnya. Kenyataan beliau itu juga tidak dipersetujui pelbagai pihak termasuk menteri Kabinetnya sendiri.

Terbaru mencetuskan kontroversi ialah kenyataannya yang menyatakan sukar menemui menteri Kabinet di Malaysia kerana sering bermain golf. Beliau membuat kenyataan itu ketika berucap di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), semalam.

"Mencari menteri di Malaysia adalah sukar kerana mereka asyik bermain golf. Itulah kerja seorang menteri. Jika mahu cari mereka, cari di padang golf," katanya.

Walaupun kenyataan itu dibuat secara berjenaka ia mendapat bantahan beberapa anggota DPR kerana dianggap mempersendakan menteri Malaysia. Sehubungan dengan itu, mereka mendesak Gus Dur menarik balik kenyataannya itu kerana kluatir ia menjejaskan hubungan dua hala.

Sekurang-kurangnya ini membuktikan ada anggota DPR peka bahawa menteri Malaysia tidak menumpukan perhatian kepada golf. Walaupun ada bantahan beberapa anggota DPR itu, nasi sudah menjadi bubur kerana kenyataannya itu sudah menjadi bahan agensi berita antarabangsa dan semestinya pula disiarkan pelbagai akhbar di seluruh dunia. Tentu mereka yang tidak mengetahui keadaan sebenar mengenai menteri Malaysia akan mempercayai kenyataan nakal Gus Dur itu.

Persoalannya dari mana Gus Dur mendapat maklumat salah mengenai menteri Malaysia asyik bermain golf sehingga dikatakan sukar berurusan dengan mereka. Apakah beliau menerima maklumat itu daripada pegawai Kedutaan Besar Indonesia di Malaysia ketika berkunjung ke Malaysia pada 6 November

lalu atau daripada cakap orang. Apapun implikasinya amat buruk kerana dalam pemikiran Gus Dur, itulah hakikatnya.

Sebenarnya hanya dua tiga menteri Kabinet Malaysia yang bermain golf secara agak serius. Tetapi mereka tidak menghabiskan masa di kelab golf sehingga sukar ditemui di pejabat seperti didakwa Gus Dur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bermain golf manakala timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hanya bermain golf secara sosial terutama ketika menyertai mesyuarat Menteri Asean.

Kenyataan Gus Dur itu walaupun berjenaka pasti menimbulkan rasa kurang senang di kalangan menteri Malaysia. Beliau seharusnya mendapatkan maklumat tepat sebelum membuat kenyataan yang boleh menyinggung perasaan negara jiran.

Gus Dur perlu menyedari beliau bukan lagi Pengerusi NU yang boleh lepas cakap dan harus menepati kesahihan maklumat yang diberikan kepadanya oleh pelbagai pihak. Jika maklumat yang diberi benar apatah lagi dalam hal ini jelas anggapannya itu tidak betul, beliau perlu menimbang buruk baiknya sebelum membuat kenyataan yang akan memakan diri sendiri.

Mungkin tiba masanya, Gus Dur mengadakan penasihat yang bijak untuk membantunya sebelum membuat sebarang kenyataan khususnya mengenai negara lain.

(END)